

Gambaran kemewahan melalui perlambangan dalam lirik lagu hokkien “Ji Pa Ban”: Analisis semantik inkuisitif

Luxury description through symbolism in hokkien song "Ji Pa Ban" lyrics: An inquisitive semantic analysis

Wong Shia Ho
wsh@ipbl.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak, Malaysia

Received: 06 May 2020, Accepted: 17 June 2020, Published: 22 June 2020

Abstrak

Pemilihan sesuatu ungkapan dalam penulisan lirik lagu memerlukan pemikiran yang tajam daripada penulis kerana fungsi lagu bukanlah semata-mata untuk hiburan tetapi terkandungnya falsafah dan pemikirannya untuk disampaikan kepada pendengar. Kajian ini menghuraikan makna dan akal budi penulis melalui unsur perlambangan yang digunakannya dalam lirik lagu “Ji Pa Ban” —百万 (Seratus Juta). Dua data yang mengandungi unsur perlambangan tentang kemewahan yang ingin dinikmati oleh penulis jika menjadi jutawan dipilih untuk dianalisis. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif yang diasaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan kata-kata tertentu dalam unsur perlambangan dilakukan dengan bijaksana oleh penulis. Selain itu, kajian ini juga memperlihatkan gandingan data, teori, falsafah dan budaya dapat menghasilkan huraian makna secara mendalam sehingga akal budi penulis terserlah melalui penggunaan bahasanya.

Kata Kunci: perlambangan; akal budi; falsafah; buday; semantik Inkuisitif

ABSTRACT

The selection of an expressions in the song lyrics requires some sharp thoughts from the lyrics writer. This is because the function of the song is not longer just for entertainment but it contains lyrics writer's philosophy and thought which can convey the listeners. The purpose of this study is to elaborate the meaning and the thought of the lyrics writer through the element of symbolism which used in the song "Ji Pa Ban" —百万 (One Hundred Million). Two data which consist the element of symbolism are about the resplendency that the lyrics writer wants to enjoy if become a millionaire is selected for this analysis. This study is in the form of qualitative analysis by applying the inquisitive semantic approached by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). The results of this study have found that the use of certain words in the element of symbolism are done wisely by the lyrics writer. In addition, this study also showed the combination of data, theory, philosophy and culture which can able to produce a deep interpretations of meaning as to illustrate the lyrics writer's mind through the language used.

Keywords: symbolism; thought; philosophy; culture; inquisitive semantic

PENDAHULUAN

Tidak keterlaluan jika dikatakan setiap manusia menginginkan wang yang banyak (berjuta-juta) atau menjadi jutawan. Hal ini demikian kerana menurut Hu (2016), wang bukan segala-galanya, tetapi tanpa wang, segala-galanya tidak menjadi” (“钱不是万能的, 但没钱是万万不能的”-*qián bù shì wàn néng de, dàn méi qián shì wàn wàn bù néng de*). Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa pentingnya wang dalam kehidupan seseorang. “Wang” sering kali berkolokasi dengan “kekayaan”. Menurut Kamus Dewan (2015) “kaya” sebagai banyak harta, wang dan sebagainya. Seseorang yang

mempunyai wang (harta benda) yang jumlahnya (nilainya) berjuta-juta ringgit dikatakan sebagai jutawan. Pernahkah anda membayangkan diri anda menjadi jutawan suatu hari kelak? Bagaimanakah kehidupan yang ingin anda lalui pada masa itu? Jawapan ini tergambar dalam lirik lagu “Ji Pa Ban” (Seratus Juta) yang ditulis dan didendangkan oleh Huang Yi Fei (黄—飞) (2006), komposer dan penyanyi tanah air yang terkenal khususnya dalam kalangan peminat lagu Hokkien. Dalam lagu tersebut, gaya hidup mewah apabila menjadi jutawan atau orang kaya digambarkan melalui imaginasi penulis dengan menggunakan unsur perlambangan. Unsur perlambangan tersebut diterokai dalam kajian ini bagi mendapatkan maksud yang sebenar dan sebab unsur perlambangan tersebut digunakan.

Persoalan Kajian

Lagu yang ditulis dan didendangkan sudah tentu bukan semata-mata sebagai hiburan tetapi juga mengandungi pemikiran penulis untuk disampaikan kepada pendengar melalui bahasa yang digunakan. Hal ini selaras dengan pendapat Blacking (1995) bahawa muzik ialah bunyi yang terhasil berkaitan dengan proses sosial dan kognitif masyarakat tersebut. Kata-kata yang dipilih oleh pengarang bukanlah dilakukan secara sewenang-wenangnya sebaliknya melalui pertimbangan yang teliti. Selain bahasa yang bersifat berterus-terang, pengarang juga menggunakan bahasa kiasan dalam lirik lagunya. Hal ini demikian kerana bahasa kiasan mempunyai nilai estetika yang tersendiri (Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2019).

Penggunaan ungkapan tersurat untuk menyampaikan sesuatu mesej adalah lebih mudah difahami oleh pembaca atau pendengar jika dibandingkan dengan bahasa kiasan yang mengandungi makna tersirat. Hal ini kerana ungkapan tersurat sekadar menampilkan makna harfiah sebagai makna yang sebenarnya, sebaliknya, ungkapan tersirat perlu diterokai dengan lebih mendalam dengan melibatkan unsur-unsur bukan linguistik. Walau bagaimanapun, penulis kreatif dalam penulisan lirik dengan menggunakan ungkapan tersirat kerana pada pandangannya, ungkapan tersiratlah sahaja yang mampu memberikan kesan yang diinginkan kepada pembaca atau pendengar. Malah penulis yakin bahawa pembaca/pendengar mampu mencapai maksud sebenarnya yang diinginkannya kerana konteks yang diberikannya mencukupi untuk pentafsiran makna tersebut. Apabila memperkatakan ungkapan tersirat ini, maka penggunaan unsur perlambangan untuk menyatakan mesej tertentu juga disifatkan sebagai ungkapan tersirat kerana mesej sebenarnya terselindung di sebaliknya perlambangan tersebut. Dalam konteks kajian ini, unsur-unsur perlambangan bagi menandakan kehidupan orang kaya diterokai secara mendalam dengan teori yang berwibawa, malah kajian ini turut mengkaji kerelevanan unsur-unsur yang dipilih oleh penulis bagi mencapai maksud yang diinginkannya. Penerokaan ini bagi memperlihatkan akal budi atau kebijaksanaan penulis dalam penggunaan bahasa.

OBJEKTIF KAJIAN

- (a) Mengenal pasti unsur perlambangan yang menggambarkan kemewahan hidup dalam lirik lagu yang dikaji.
- (b) Menjelaskan maksud sebenar unsur perlambangan yang digunakan dalam lirik lagu yang dikaji.
- (c) Menjelaskan sebab pemilihan leksikal tertentu dalam perlambangan yang digunakan dalam lirik lagu yang dikaji.

KOSA ILMU

Bahagian ini mengemukakan sumber yang berkaitan dengan unsur perlambangan dan lirik lagu yang telah dibaca dan dirujuk. Selain itu, lirik lagu yang dijadikan bahan kajian ini turut diperkenalkan.

Pengkajian Unsur Perlambangan: Analisis Semantik

Kajian unsur perlambangan sentiasa mendapat tumpuan dalam kalangan sarjana bahasa, antaranya termasuklah kajian oleh Zurinah Hassan (2001); Saidatul Nornis Mahali & Mohd Rasdi Saamah (2013); Nor Hashimah Jalaluddin (2014); Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim (2017); Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2018) dan banyak lagi. Apabila diteliti, didapati bahawa kajian-kajian tersebut dapat dibahagikan kepada tiga tahap berdasarkan kedalaman penganalisan data kajian tersebut. Kajian bahasa perlambangan yang ditemukan ada yang bersifat pemerian dan ada yang bersifat saintifik. Pada tahap pertama, kajian-kajian tentang bahasa kiasan yang dikemukakan lebih kepada penghuraian makna pada peringkat harfiah dan ditafsir berdasarkan intuisi atau pengalaman semata-mata. Pentafsiran makna sebegini dilabelkan sebagai bersifat skrip yang terikat dengan pendefinisian, pembentukan dan kegunaan kiasan tersebut. Sebagai contoh, Zurinah Hassan (2001) menyatakan bahawa lambang yang digunakan bertujuan menjelaskan makna di samping memberikan impak terhadap pemikiran dan perasaan pembaca. Secara umumnya perlambangan terjadi dalam penggunaan metafora, simile dan personifikasi. Menurut Zurinah Hassan lagi, perlambangan dikira terjadi apabila terdapat unsur-unsur yang berikut:

1. Penggunaan satu perkataan bagi maksud sesuatu yang lain.
2. Menyamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain.
3. Membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain
4. Mengasosiasikan, mengaitkan dan menghubungkan sesuatu dengan yang lain.

Kajian unsur perlambangan pada peringkat harfiah ini juga dapat dilihat melalui kajian Saidatul Nornis Mahali & Mohd Rasdi Saamah (2013). Kajian tersebut meneliti unsur haiwan yang terdapat dalam peribahasa suku kaum Semai dengan menghuraikan makna peribahasa suku kaum Semai yang berunsurkan haiwan berasaskan situasi, pemakaian, dan fungsinya dalam konteks kehidupan masyarakat yang dikaji. Sebagai contoh, dalam kajian tersebut, peribahasa "*rah greit chak ma-i-pangkal*" (anai-anai makan hingga ke akar) dikatakan membawa maksud seseorang yang suka mengikis wang orang atau kedua-dua ibu bapanya sendiri. Kajian tersebut menggunakan anai-anai sebagai lambang kepada sifat atau perangai negatif seseorang berdasarkan sifat anai-anai yang dijelaskan dalam kamus, iaitu merosakkan apa-apa sahaja seperti tanaman, rumah dan sebagainya". Kajian ini mendapati bahawa contoh kajian di atas sesuai dikatakan kajian semantik skrip.

Daripada kajian bersifat pemerian ini dan hanya terhad kepada makna mudah unsur perlambangan, kajian unsur perlambangan melangkah kepada tahap semantik resonans. Kajian semantik resonans melibatkan analisis kognitif dalam mentafsir makna (Nor Hashimah Jalaluddin 2014). Kajian Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim (2017) merupakan contoh kajian peringkat resonans kerana penganalisan unsur perlambangan dilakukan dengan teori relevans. Dalam kajian tersebut, aspek perlambangan kata kerja dalam lagu '*Let It Go*' versi bahasa Melayu yang bertajuk 'Bebaskan' dibincangkan makna dan fungsinya berdasarkan teori relevans. Begitu juga kajian oleh Hishamudin Isam & Mashetoh Abd. Mutalib (2017) yang bertujuan menjelaskan pemahaman makna leksis kata kunci "minyak" yang terdapat dalam peribahasa dari sudut kognitif juga dapat sebagai kajian bersifat semantik resonans kerana melibatkan teori linguistik kognitif. Pengaplikasian teori dalam kajian tersebut membuktikan "minyak" bukan sahaja merujuk "cecair" tetapi juga mendukung makna tersirat yang dapat menggambarkan kehidupan bersosial masyarakat Melayu yang berwarna-warni.

Walau bagaimanapun, Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menyatakan semantik resonans juga gagal mencari tafsiran makna tahap tertinggi sehingga membawa kepada tafsiran akal budi Melayu. Malah, beliau menyatakan bahawa kajian pantun dan peribahasa harus diberi nafas baharu. Oleh itu melalui buku "Semantik dan Akal Budi Melayu", Nor Hashimah Jalaluddin telah mencadangkan kajian yang lebih mendalam dan bukan terhenti setakat kognitif penutur sahaja. Ada falsafah di sebalik penciptaan kata-kata kiasan ini. Memegang prinsip bahawa setiap pilihan kosa kata dalam metafora Melayu pasti ada justifikasi dan falsafahnya, maka beliau berpendapat bahawa tatakaedah semantik inkuisitif mampu menjawab persoalan tersebut. Beliau menyingkap makna yang tersirat dalam lagu "Bangau Oh Bangau", ciptaan Hamzah Fansuri. Dalam kajian tersebut, Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menyatakan bahawa pertanyaan "kenapa, kenapa dan kenapa" merupakan

metodologi yang terbaik bagi merungkaikan satu-satu persoalan kerana tatakaedah tersebut membolehkan penelitian dilakukan dengan mendalam dan mencari hingga ke akar umbi perkara yang hendak dicari. Menurut beliau lagi, semantik inkuisitif menekankan jawapan kepada “kenapa” hingga terbongkarnya rahsia pemikiran Melayu. Hal ini selaras dengan pendapat Hassan Ahmad (2006) yang menyatakan bahawa metafora, kiasan, analogi, tamsil ibarat, perlambangan dan “citraan” atau *imagery* terhasil daripada pengalaman dan pemerhatian empirikal orang Melayu terhadap alam sekeliling. Bahasa kiasan tersebut mengandungi pandangan hidup atau falsafah hidup masyarakat Melayu. Ringkasnya, semantik inkuisitif merupakan satu pendekatan untuk mencari akal budi atau intelektual Melayu melalui bahasa kiasan.

Kajian semantik inkuisitif semakin mendapat perhatian pengkaji lain. Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2018) telah mengaplikasikan analisis semantik inkuisitif dalam peribahasa Melayu yang menggunakan unsur atau leksikal “ayam” dalam domain “kebiasaan” dan “rezeki”. Melalui kajian tersebut, mereka menyimpulkan bahawa asosiasi haiwan seperti “ayam yang terdapat pada peribahasa Melayu telah menonjolkan kearifan masyarakat Melayu mengaitkan alam sekitar sebagai rujukan sifat atau kelakuan sesuatu perkara. Selain unsur haiwan “ayam”, unsur-unsur haiwan lain yang terdapat dalam peribahasa Melayu turut dikaji, antaranya ialah “musang” oleh Muhammad Zaid Daud (2018) dan “ikan” oleh Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail (2016). Kajian tentang unsur tumbuh-tumbuhan dalam peribahasa Melayu dengan analisis semantik inkuisitif pula dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) mengenai tebu, kundi, dan saga. Kingkin Puput Kinanti & Anita Kurnia Rachman (2019) pula mengkaji “padi” dalam peribahasa Indonesia. Seterusnya kajian Junaini Kasdan (2015) mengenai asam. Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan (2017a) tentang kiasan padi, lalang, cempedak, nangka; Tangaprabu Murthy & Mary Fatimah Subet (2018) meneliti rumput, dan Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan (2017b) menganalisis durian dan timun. Malah kajian dengan analisis semantik inkuisitif turut diaplikasikan terhadap unsur abstrak seperti konsep “ruang” oleh Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin (2016) dan deria rasa oleh Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2015). Kajian-kajian semantik inkuisitif terhadap bahasa kiasan banyak tertumpu pada peribahasa Melayu. Dalam kajian semantik inkuisitif di atas, diserlahkan konsep akal budi pada setiap penciptaan kiasan ini.

Kajian Tentang Lirik Lagu

Pengaplikasian semantik inkuisitif terhadap lirik lagu masih mempunyai ruang yang luas untuk diterokai Hal ini kerana kajian lirik lagu Melayu masih banyak pada peringkat semantik skrip dan semantik resonans. Kajian Arbaie Sujud (2000), Mohammad Haris (2016) dan Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria (2017) masih terikat dengan kajian semantik skrip, iaitu cuba mentafsir lirik lagu tetapi masih terikat dengan pentafsiran makna permukaan kosa kata tersebut. Sebagai contoh, Arba’ie Sujud (2000) dalam kajian terhadap lirik lagu menyatakan bahawa penjelmaan fikiran penulis terungkap melalui bahasa yang jelas maknanya, atau terselindung di sebalik kata-kata yang halus dan indah dalam lirik lagu tersebut. Wujud ‘kata kunci’ yang menjadi teras makna yang dibawanya. Sebagai contoh dalam lirik lagu “Merak Kayangan”, ungkapan “dia umpama merak kayangan; Rupanya cantik warna kilauan; Beta umpama gagak di rimba, tak sepadan tak sebaya” hanya dijelaskan oleh Arba’ie Sujud sebagai usaha penulis lirik lagu dalam kajian tersebut melakukan kontradiksi apabila kata “merak” disesuaikan dengan dia dan bukannya ‘beta’, sebaliknya “gagak” disesuaikan dengan “beta” tanpa menghuraikan sebab-sebab penulis lirik lagu menggunakan kata-kata kunci tersebut dan bukannya burung lain.

Selanjutnya, Mohammad Haris Abd. Azis (2016) pula mengkaji aspek pemilihan kata berteraskan “kata adjektif” dalam lirik lagu patriotik dan elemen muzik yang melatarinya. Kajian tersebut melihat kekuatan kata dalam menyuntik semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia. Lirik lagu dianalisis dengan pautan *AntConc*. Leksikal utama, iaitu kata adjektif kemudiannya dikelaskan mengikut tema. Kekuatan kata adjektif dikaitkan dengan kemampuan menyemai nilai patriotisme. Berdasarkan penggunaan kata “cinta” dalam lirik lagu yang dikaji, beliau menyatakan bahawa kata adjektif “cinta” mendominasi kekerapan perkataan dalam kesemua lagu patriotik yang dikaji. Dalam kajian tersebut, makna “cinta” dirujuk pada Kamus Dewan (2015). Kajian ini tidak melangkaui lebih jauh dari definisi ‘cinta’.

Kajian oleh Masitah Mad Daud et al. (2017) terhadap lirik lagu Melayu pula dilakukan untuk melihat bentuk pemikiran Melayu dengan menggunakan *Model Six Thinking Hats* De Bono (1992). Sebagai contoh, bagi data “jelinganmu itu tajam menusuk seluruh jiwaku”, perkataan “tajam” dan “menusuk” dianalisis hanya bersifat permukaan kerana makna tersebut diperoleh daripada kamus. Dalam kajian tersebut, kata “tajam” dan “menusuk” dikatakan sebagai mempunyai makna yang sama kerana mendukung makna “melukai”. Namun frasa “tajam menusuk” oleh “jelinganmu” tidak pun “membawa kecederaan” sebagai dikatakan “melukai” tidak dihuraikan. Di sini, makna sebenar “tajam menusuk” masih perlu didalami.

Kajian teoritis mengenai lirik lagu pula dikaji oleh Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd. Rahim (2017). Mereka mengkaji aspek perlambangan kata kerja dalam lagu ‘Let It Go’ versi bahasa Melayu yang bertajuk ‘Bebaskan’ berdasarkan teori relevans. Lagu ‘Bebaskan’ merupakan lagu tema bagi filem animasi *Frozen* yang telah mula ditayangkan sejak 2013. Lagu tersebut turut diterjemahkan kepada versi bahasa Melayu dengan tajuk ‘Bebaskan’ dan dinyanyikan oleh Marsha Milan Londoh. Kajian tersebut memfokuskan makna dan fungsi kata kerja, iaitu “bebaskan”, “menutupi” dan “mengganguku”. Bagi mendapatkan makna dan fungsi salah satu kata kerja tersebut, iaitu “menggangu”, konsep-konsep penting teori relevans, iaitu konteks, kesan konteks, dan usaha memproses digunakan. Bermula dengan makna linguistik, makna implisit pula diteroka dan akhirnya pengkaji tersebut menyimpulkan bahawa “menggangu” merupakan pemilihan kata yang sesuai untuk menggambarkan penutur tidak goyah atau terancam dengan kedinginan salju di tempatnya kerana kata kerja yang digunakan amat sinonim dan bertepatan dengan makna yang ingin disampaikan oleh penutur”. Walau bagaimanapun kupasan kepada kenapa ‘menggangu’ dipilih bukan leksikal lain bagi membuktikan kekuatan watak tidak dijelaskan.

Jelasnya, kajian lirik lagu boleh diketengahkan dan dikupas menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Cuma dalam lirik lagu, pemilihan leksikal abstrak mengatasi leksikal konkrit sehingga menyebabkan kupasannya menjadi lebih mencabar. Berdasarkan kajian lirik di atas, kesemua pengkaji tidak dapat mengupas hingga ke akal budi lirik lagu tersebut. Maka artikel ini bertujuan menganalisis lirik lagu yang telah dipilih dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Matlamat akhirnya adalah untuk membuktikan bahawa pemilihan kata-kata dalam lirik lagu tersebut sama ada tersurat atau tersirat sebenarnya mempunyai falsafah tersendiri dan boleh dicungkil akal budi penciptanya.

Dalam kajian ini, unsur perlambangan yang terdapat dalam lirik lagu Hokkien, “Ji Pa Ban” yang didendangkan oleh Huang Yi Fei (黄—飞) diterokai untuk melihat maksud sebenarnya dan sebab perkataan tertentu digunakan. Berikut merupakan lirik lagu yang telah diterjemahkan untuk dianalisis:

Baris	Tajuk Lagu : —百万(Seratus Juta) Melodi/Lirik/Nyanyian: 黄—飞 (Huang Yi Fei)
1	若是我有一百万. 一百万. 我有一百万 Andainya aku miliki seratus juta. Seratus juta. Aku ada seratus juta
2	一世人就轻松 Seumur hidup senang-lenang
3	无讲无人知讲到真歹势 Tidak sebut orang tak tahu, kalau disebut sangat malu
4	吃甲彼呢大漠, 搁不曾坐飞机 Sudah besar panjang, tidak pernah menaiki kapal terbang.
5	打拼彼多年无车无厝搁无爱人 berusaha gigih sekian lama, tidak ada kereta, tidak ada rumah, juga tidak ada kekasih
6	看人娶某搁做生意 melihat orang lain kahwin dan berniaga
7	有钱搁有势. Ada duit ada gaya.

- 8 若是我有一百万,
Andainya aku miliki seratus juta
- 9 我要坐飞机, 我要遊世界
aku hendak menaiki kapal terbang, melancong ke seluruh dunia
- 10 Hawaii 晒太阳日本吃壽司
Berjemur di Hawaii, makan sushi di Jepun
- 11 若是我有一百万
Andainya aku miliki seratus juta,
- 12 我要买车买厝山珍甲海味
aku hendak membeli kereta, membeli rumah, nikmati makanan enak di seluruh dunia
- 13 啥人卡福气来乎我做某
Sesiapa yang lebih bertuah menjadi isteriku
- 14 若是我有一百万, 一百万
Andainya aku miliki seratus juta. seratus juta
- 15 若是你有欠用钱开嘴免容气
Kalau awak ada kesempitan wang, beritahu, jangan malu
- 16 (Ulangan baris 3-9)
无讲无人知讲到真歹勢
吃甲彼呢大漢搁不曾坐飞机
打拼彼多年无车无厝搁无爱人
看人娶某搁做生意
有钱搁有勢
若是我有一百万
我要坐飞机我要遊世界
- 17 意大利饮咖啡, 路过吃 *spaghetti*
Minum kopi di Itali, makan spageti di tepi jalan
- 18 若是我有一百万
Andainya aku miliki seratus juta
- 19 我要买车买厝买店来收租
aku hendak membeli kereta, membeli rumah, membeli kedai untuk disewa
- 20 闲闲免做工, 带狗去散步
Senang-senang tidak perlu bekerja, bawa anjing bersiar-siar.
- 21 若是我有一百万, 一百万.若是你有欠用钱.开嘴免容气
(ulangan baris 14-15)
- 22 (Ulang baris 14)
若是我有一百万. 一百万,
- 23 十千八千拿去用. 免还嘛无问题
Sepuluh ribu, lapan ribu ambil saja, tidak bayar balik pun tak apa.
- 24 若是我有一百万. 一百万 (Ulang baris 14)
- 26 朋友啊, 一百万咁唔甲多啊!
Kawan, seratus juta betulkah banyak tu!

Penulis banyak menggunakan unsur alam semula jadi dan unsur buatan/ciptaan manusia bagi menggambarkan gaya hidup dirinya seandainya menjadi jutawan. Apakah kaitan atau hubungan unsur alam tersebut dengan kemewahan, dan mengapa unsur tersebut dipilih?


KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian korpus dalam bentuk teks bertulis, Data kajian dikutip daripada lirik lagu. Penggunaan bahasa dalam lirik lagu sesuai dilakukan dalam kajian bahasa kerana memenuhi ciri-ciri data yang sesuai dalam sesuatu pengkajian bahasa. Menurut Asmah Omar (2011), hanya dengan mempunyai data yang betul-betul dalam komuniti bahasa, barulah kita dapat membuat huraian tentang aspek-aspek bahasa kerana keunikannya. Lirik lagu tersebut bersifat “kebenaran yang dapat dilihat” yakni data-data yang nyata dan diperolehi daripada keadaan atau fenomena semula jadi. Hal ini kerana lagu yang dipilih dalam kajian ini autentik.

Kajian ini bersifat kualitatif. Menurut Noraini Idris (2010), pendekatan kualitatif digunakan dalam situasi yang memerlukan penerangan terperinci dan mendalam tentang fenomena sosial sebagaimana berlangsung dalam keadaan semula jadi. Meskipun hanya terhadap dua lirik lagu sahaja tetapi analisis mendalam mampu mengupas unsur khayalan yang terdapat dalam lirik-lirik lagu tersebut. Ini sesuai dengan pendapat Zoltan & Do_rnyei (2007) bahawa kekangan kajian kualitatif adalah tidak menggunakan data yang banyak, yang penting ialah penjelasan yang padat sudah memadai. Dengan menggunakan pendapat Zoltan &, maka kajian ini melakukan analisis mendalam terhadap unsur perlambangan yang terdapat dalam lirik lagu tersebut. Seluruh lirik ini boleh dijadikan panduan semasa kupasan lirik ini dilakukan.

Kajian ini menggunakan analisis data dan kaedah kepustakaan. Melalui kaedah kepustakaan, bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian ini dijadikan rujukan, kaedah ini berlaku secara berterusan sehinggalah kajian ini selesai dijalankan. Oleh itu kajian ini membahagikan penganalisan data kepada tiga tahap, iaitu semantik skrip, diikuti analisis semantik resonans, barulah analisis semantik inkuisitif.

Tiga tahap yang dimaksudkan di atas digambarkan pada Rajah 1:



Rajah 1: Peringkat Penganalisan Berdasarkan Pendekatan Semantik Inkuisitif
(Nor Hashimah Jalaluddin, 2014, 19-30)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dan perbincangan dalam kajian ini hanya tertumpu kepada unsur perlambangan yang berkaitan dengan gaya hidup mewah yang digambarkan penulis apabila menjadi jutawan. Menurut Kamus Dewan (2015), “Mewah” bermaksud 1. “segala-galanya banyak (makanan, harta dan lain-lain”, serba berlebihan, serba elok; 2. Sangat mahal dan barang-barang yang serba banyak. “Kemewahan” pula bermaksud perihal mewah. Menurut Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2003), “mewah” bermaksud “atasan, berada, lumayan, mampu, membazir, berharta, besar, senang, berkedudukan, berpangkat, dan kaya”. Kajian ini mendapati bahawa kemewahan yang digambarkan melalui lagu tersebut turut menggunakan nama-nama negara dan harta tertentu yang secara umumnya selaras dengan gaya hidup seseorang jutawan selaras dengan tanggapan umum masyarakat. Bahagian ini memaparkan penganalisan data secara tiga peringkat, iaitu peringkat semantik skrip yang menumpukan penganalisan makna secara harfiah, Selepas itu makna dianalisis secara pragmatik berdasarkan prinsip teori relevans. Seterusnya dilakukan usaha untuk menjawab sebab pemilihan leksikal tertentu dalam lirik lagu tersebut bagi memperlihatkan kebijaksanaan penulis dari aspek penggunaan bahasa.

Lambang Kemewahan melalui Penggunaan Nama Negara

Data 1: Berjemur di Hawaii; Makan sushi di Jepun; minum kopi di Itali, makan spageti di tepi jalan.

Analisis Semantik Skrip

Pada peringkat semantik skrip, setiap perkataan dalam Data 1 diperoleh dengan merujuk kamus. Jadual 1 memaparkan makna linguistik bagi setiap perkataan dalam ungkapan tersebut:

Jadual 1: Paparan makna linguistik Data 1 berdasarkan Kamus Dewan (2015).

Data	Perkataan	Makna Linguistik
1	Berjemur di Hawaii	mengeringkan (memanaskan) badan di panas matahari. kata sendi nama yang menunjukkan tempat dan lain-lain
	makan	- memamah serta menelan makanan, mengunyah (menelan, melulur, menghisap dan lain-lain)
	Sushi	-
	Jepun	-
	minum	meneguk atau menelan sesuatu yang cair (air, susu dan lain-lain)
	kopi	minuman daripada bancuhan kopi halus, gula dan air
	Itali	-
	spageti	sejenis makanan seperti mi yang berasal dari Itali
	tepi jalan	bahagian yang luar sekali (bidang dan lain-lain), pinggir. tempat lalu lintas

Bagi perkataan “sushi”, “Jepun”, “Itali” dan “Hawaii” pula, makna diperoleh daripada sumber lain. Menurut Diyana (2017), Sushi ialah hidangan nasi yang digabungkan dengan pelbagai jenis bahan seperti makanan laut, sayur-sayuran atau buah-buahan tropika. Tetapi yang penting bahan utamanya ialah nasi sushi yang menggunakan beras khas yang dikenali sebagai ‘shari’ atau ‘sumeshi’. Sushi sering dihidangkan bersama halia jeruk, wasabi dan kicap.



Rajah 3: Sushi
(Diyana, 2017)

Perkataan “Jepun” dan “Itali pula merupakan nama tempat atau negara [*How Many Countries are there in the world?* (t.t)]. Hawaii ialah sebahagian daripada negara Amerika Syarikat (Heckathorn, Motteler & Swenson, t.t).

Dari segi makna permukaan, ungkapan Data (1) “Berjemur di Hawaii, makan sushi di Jepun...minum kopi di Itali, makan spagetti di tepi jalan” hanya menyatakan negara-negara yang ingin dilawati dan perkara yang hendak dilakukannya ketika berada di negara tersebut, iaitu “memanaskan badan di Hawaii, menikmati makanan Jepun (Sushi) dan menikmati Spageti dan Kopi (di Itali)”. Makna mudah ini dicapai tanpa usaha memproses yang tinggi. Walau bagaimanapun, makna bersifat permukaan masih belum mencapai makna yang diinginkan oleh penulis kerana ada makna tersirat yang didukung oleh Data (1). Oleh sebab itu, usaha mencari makna yang sebenar harus diteruskan dengan aras kognitif yang lebih tinggi dengan maklumat konteks yang lebih banyak. Oleh itu, penganalisan pada peringkat kognitif perlu dilakukan.

Analisis Semantik Resonans

Pada peringkat analisis semantik resonans, pengaplikasian teori amat ditekankan bagi mendapatkan maknanya yang sebenar. Teori relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1999) merupakan teori pentafsiran makna yang berwibawa, mengambil kira aspek semantik dan pragmatik. Teori tersebut selain menekankan kepentingan maklumat konteks, peranan kognitif juga dilihat amat penting untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran, iaitu mendapatkan maksud sebenar dengan usaha memproses maklumat yang paling sedikit. Apabila pendengar mendapati makna permukaan pada peringkat semantik skrip bertentangan dengan maklumat konteks, pendengar perlu berusaha untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi mendapatkan maknanya yang sebenar. Maka, rujuk silang dilakukan terhadap ungkapan lain yang terdapat lagu untuk tujuan tersebut. Hal ini selaras dengan pendapat Allan (2010) & Huang (2014) bahawa rujuk silang ialah cara untuk merujuk hubungan dengan beberapa ungkapan linguistik sebelumnya atau antededen dalam ayat atau wacana yang sama. Dengan ini, ungkapan sebahagian daripada lagu yang dapat membantu mendapatkan makna tersirat ini dikemukakan seperti yang berikut:

Andainya aku miliki seratus juta, aku hendak menaiki kapal terbang, melancong ke seluruh dunia. **Berjemur di Hawaii, makan sushi di Jepun.**

Andainya aku miliki seratus juta, aku hendak menaiki kapal terbang, melancong ke seluruh dunia. **Minum kopi di Itali, makan Spageti di tepi jalan.**

Berdasarkan Data (1) di atas, secara harfiahnya, “berjemur, makan sushi, minum kopi, makan spageti” ialah perbuatan yang mampu dilakukan oleh kebanyakan orang. Jadi, tidak ada keistimewaan daripada perbuatan tersebut. Adakah setakat ini sahaja yang ingin dilakukan oleh seseorang jutawan atau hanya mampu dilakukan setelah menjadi jutawan? Hal ini sudah tentu bertentangan dengan konteks ujaran yang sebenar. Dengan kata lain, perbuatan tersebut seolah-olah tidak relevan dengan impian seorang jutawan. Apabila pendengar mendapati makna harfiah ini bertentangan dengan konteks sebenar, maka

pelbagai andaian atau jangkaan makna lain muncul dalam pemikiran mereka. Andaian-andaian ini kemudiannya dibuktikan dengan merujuk konteks ujaran tersebut. Maka, di sini peranan konteks yang ditekankan dalam teori relevans diperlukan. Maklumat konteks ini boleh diperolehi dengan pelbagai cara, sama ada dengan merujuk ujaran terdahulu, ujaran yang wujud selepasnya, pengalaman sedia ada pendengar, atau catatan ensiklopedia. Dalam konteks untuk mendapatkan makna sebenar Data (1) ini, rujuk silang telah dilakukan terhadap kata-kata lain dalam ungkapan tersebut, ternyata ada unsur kemewahan terserlah. Kata-kata yang dimaksudkan di sini ialah nama-nama negara yang digunakan dalam ungkapan tersebut, iaitu Jepun, Itali dan Hawaii. Ketiga-tiga tempat ini jauh dari negara penulis (Malaysia). Hal ini diketahui apabila dirujuk silang terhadap ujaran terdahulu, iaitu “aku hendak menaiki kapal terbang, melancong ke seluruh dunia”. Dalam ujaran tersebut, penggunaan perkataan “kapal terbang” dapat dikaitkan dengan perjalanan yang jauh. Sebagai contoh, jarak Jepun dari Malaysia dengan pengangkutan udara ialah 5,131 kilometer (*Distance from Japan to Malaysia*, t.t). Jadi, untuk pergi ke tempat-tempat tersebut, perbelanjaan yang besar diperlukan dan ini tidak semestinya mampu dilakukan oleh kebanyakan orang melainkan mereka yang berkemampuan sahaja. Di sinilah letaknya perbezaan status seseorang jutawan yang hidup mewah berbanding dengan orang biasa. Andaian “hidup secara mewah” ini terserlah apabila penulis mengimpikan sesuatu perkara kecil dilakukan dengan perbelanjaan yang besar, sedangkan perbuatan tersebut boleh dilakukan di tempatnya sendiri. Sebagai contoh “berjemur”, “makan sushi”, “minum kopi”, “makan spageti” dapat dilakukan di tempat sendiri. Penulis pula ingin ke luar negara yang jauh dari tempatnya semata-mata untuk melakukan perkara yang kecil sebegini. Di situ menampakkan sikap mengejar nikmat hidup yang tinggi dengan cara yang boros atau berlebih-lebih. Hal ini selaras dengan pendapat Obringer & Dove (t.t) bahawa kebanyakan orang pernah membayangkan jutawan minum *champagne* mahal ketika bersarapan, memandu kereta mahal, membeli-belah di tempat yang berprestij dan bercuti di negara-negara yang luar biasa keistimewaanannya. Malah Pedro Zurita (2015) berpendapat bahawa pandangan umum terhadap orang kaya ialah mereka membazir, mereka membeli kereta mahal, tinggal di rumah besar dan membuang banyak makanan. Sebagai contoh, E! News pernah melaporkan Justin Bieber menghabiskan \$240.00 (RM936.00) ketika berbelanja di sebuah kedai makanan segera Mexico. Salah satu perbelanjaannya yang terbesar ialah apabila dia menghabiskan sehingga \$10,000 (RM38, 900) dalam satu bil di sebuah restoran makanan Cina (Rai Illani, 2018). Ternyata andaian Data (1) sebagai “hidup secara mewah” tidak memerlukan usaha memproses yang tinggi daripada pendengar untuk mencapai kerelevannya kerana andaian tersebut bukan sahaja mampu menimbulkan kesan kognitif yang tinggi kepada pendengar apabila dirujuk kepada ujaran terdahulu malah dapat diperkukuh oleh konteks daripada pengalaman orang ramai bahawa orang kaya sememangnya “menikmati kehidupan yang eksklusif”.

Ternyata bahawa analisis semantik resonans yang mengaitkan bahasa, teori dan kognisi penuturnya amat berjaya mencungkil makna yang diinginkan oleh penulis lirik lagu dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian pada peringkat ini sudah tentu akan menjadi lebih sempurna apabila dianalisis semantik inkuisitif bagi memperlihatkan akal budi penulis lirik lagu tersebut dari segi kebijaksanaan bertutur kata.

Analisis Semantik Inkuisitif

Pada peringkat ini, persoalan tentang sebab sesuatu perkataan dipilih bukan perkataan lain ketika mengujarkan sesuatu cuba diterokai. Penerokaan pada peringkat ini dapat memperlihatkan akal budi penulis serta falsafah di sebalik pemilihan sesuatu perkataan tersebut yang ada kaitan dengan budaya, ketajaman pengamatan terhadap dunia serta pemikiran tahap tinggi yang tertanam sekian lama dalam mindanya.

Dalam lirik tersebut, ternyata bahawa ada makna tambahan yang terdukong dalam ungkapan “berjemur di Hawaii”, “makan sushi di Jepun”, “minum kopi di Itali”, dan “makan spageti di tepi jalan” (di Itali) kerana perbuatan tersebut bukan calang-calang perbuatan yang mampu dilakukan oleh kebanyakan orang. Malah negara-negara tersebut adalah jauh dari tempat penulis (Malaysia) yang perjalanannya memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Perbelanjaan yang tinggi ini hanya mampu ditanggung oleh orang yang memiliki wang yang banyak. Walaupun pada ketika ini, banyak promosi penerbangan ditawarkan oleh syarikat penerbangan dan semakin ramai orang mampu ke tempat-tempat tersebut, tetapi tujuan ke tempat-tempat tersebut sebagaimana digambarkan oleh penulis

sekadar melakukan perbuatan yang kecil seperti minum kopi, makan spageti, berjemur, minum kopi' dapat menunjukkan kemewahan penulis sebagai jutawan kerana perbelanjaan yang besar sedangkan perkara yang hendak dilakukan adalah kecil. Jika penulis memilih tempat-tempat yang dekat dengan dirinya, sudah tentu maksud sebenarnya tidak tercapai. Begitu juga, perbuatan "minum kopi" "makan spageti", "berjemur", "makan sushi" dipilih pula dapat dikolokasikan dengan bersantai, lalu dapat menggambarkan kesenangan. Apatah lagi dilakukan di negara-negara yang jauh. Malah setiap negara dipilih sememangnya sebagai tempat yang berprestij untuk perbuatan tersebut. Sebagai contoh, Jepun terkenal dengan makanan "sushi". Hal ini digambarkan oleh Itawrah (tt) bahawa sushi merupakan hidangan yang paling bercirikan Jepun. Elliott (2020) menyatakan bahawa sushi ialah makanan yang terkenal dari Jepun dan merupakan satu daripada sepuluh hidangan utama tradisional Jepun. Sekiranya kita pergi ke restoran utama sushi di Jepun, sushi yang dihidangkan dengan sepotong hirisan daripada ikan maguro hampir mencecah RM300! Harga yang mahal ini adalah kerana bahagian ikan yang dihiris adalah bahagian yang paling baik dan paling sedap (Kelebihan Sushi Yang Kita Tidak Tahu, 2014).

Mengapakah "minum kopi dan makan spageti di Itali" pula? Kopi Espresso ialah sejenis kopi pekat ala Itali yang disediakan dengan cara melalukan air mendidih atau wap pada biji kopi yang telah dikisar dan dihidangkan tanpa gula dan susu. Kapucino pula sejenis minuman kopi yang juga berasal dari Itali, dicampurkan dengan susu dan dibuat berbuih dan biasanya ditaburi serbuk coklat (Siti Suhana Mohd Amir, t.t.). Menurut Siti Suhana Mohd Amir lagi, minuman kopi bukan sekadar dapat mengurangkan rasa mengantuk, malah memberikan ruang dan peluang dalam mempopularkannya dengan keperluan dan status gaya hidup masyarakat kini. Minum kopi dapat melawan kemurungan dan menjadikan hari anda lebih gembira atas faktor gaya hidup kini yang dibebani masalah kerja dan sebagainya. Menurut Bizzarri (2017), rakyat Itali masih mempertahankan reputasi negaranya sebagai "ibu kota kopi dunia". Reputasi Itali tersebut ada kaitan dengan sumbangan penciptanya, Milan Luigi Bezzera yang menghasilkan minuman kopi yang diberikan nama "espresso" pada tahun 1901.



Rajah 2: Kopi "espresso".

(Sumber: <https://pixabay.com/photos/coffee-espresso-coffee-foam-drink-3107235/>)

Resipi spageti asalnya dari Itali, salah satu jenis pasta yang paling popular dan mempunyai pelbagai hidangan yang berbeza mengikut tempat (*Spaghetti recipes*, t.t). Menurut Coy (2016), kebanyakan orang apabila ditanya tentang makanan Itali yang menjadi kegemaran mereka, akan terbayang satu pinggan besar dengan mi spageti yang dihiasi dengan sos daging yang hangat dan bebola yang bersup.



Rajah 2: Spagetti

(Sumber: Whitney Coy, 2016)

Mengapakah “berjemur di Hawaii” pula? Menurut Winda Destiana Putri (2015), Hawaii menjadi salah satu destinasi pelancongan yang terkenal kerana pantainya termasuklah pelbagai tempat dan suasana yang menarik. Hawaii sering menjadi lokasi perfileman Hollywood. Satu daripada pantai yang terkenal ialah pantai Wakiki (Lima Pantai Tujuan Wisata Paling Cantik di Seluruh Dunia, t.t). Pantai Wakiki yang ada di Pulau Oahu memang sangat popular dan tidak pernah sepi daripada pelancong dengan pelbagai kegiatan boleh dilakukan seperti berjemur, melihat matahari terbit dan terbenam hinggalah berselancar. Pantainya yang berlatarbelakangkan pemandangan Gunung Diamond menjadikannya pantai yang luar biasa (10 Tempat Wisata di Hawaii yang wajib dikunjungi, t.t).

Dari segi falsafahnya, perlambangan Data (1) ini membawa mesej berbentuk sindiran secara halus tentang nafsu manusia yang tidak terhad. Apabila menjadi kaya, yang ingin dimilikinya melampau keperluan. Di sini sudah menampakkan pembaziran berlaku dengan sikap boros yang berlebih-lebih. Itulah akal budi penggunaan kata seperti menggunakan nama-nama negara dengan perkara yang remeh seperti minum kopi, berjemur dan sebagainya. Penggunaan unsur perlambangan dengan kata-kata tertentu dipilih ini selaras dengan pendapat Nazri Atoh & Zubir Idris (2013) bahawa penggunaan bahasa kiasan untuk menyampaikan hasrat dapat menjaga kesantunan penutur ketika berbahasa. Kesimpulannya, semantik inkuisitif yang mengambil kira makna tersurat, tersirat, budaya, kognitif yang tinggi mampu mencerminkan akal budi penulis melalui Data (1) yang telah dibincangkan. Penulis menyatakan nama-nama negara tersebut dengan perbuatannya di negara tersebut mencerminkan hasratnya untuk mencapai atau mengecapi nikmat yang paling tinggi. Mengapakah mesti dikaitkan dengan spageti di Itali, kopi di Itali, Sushi di Jepun, berjemur di Hawaii? sedang di mana-mana tempat perbuatan ini dapat dilakukan? Di sinilah rasional pemilihan tempat dan setiap perbuatan ini harus diselidiki. Sebagai contoh, makan sushi ada di tempat penulis, mengapakah mesti juga di Jepun? Hal ini kerana Sushi asalnya di Jepun, menikmati sushi di tempat sendiri boleh dibuat tetapi Sushi di Jepun juga dianggap lebih membanggakan. Di sini menunjukkan kelas tinggi apabila seseorang menjadi kaya. Tidak lagi suka makan di tempat biasa-biasa tetapi citarasa akan berubah apabila menjadi kaya. Begitu juga negara penulis (Malaysia) berada di khatulistiwa, yang mempunyai sinaran matahari sepanjang tahun, jadi tiap-tiap hari dapat berjemur tetapi pantai di Hawaii juga menjadi pilihan. Hal ini mempunyai alasan yang sama. Malah minuman kopi dapat dinikmati di mana-mana warung di negara kita tetapi apabila kaya, kopi di tempat-tempat ini bukanlah pilihan sebaliknya cita rasa lebih tinggi, iaitu menikmati minuman kopi di Itali.

Lambang Kemewahan melalui Pemilikan Harta

Data 2 : **Aku hendak membeli kereta...membeli rumah, membeli kedai**

Analisis Semantik Skrip

Pada peringkat semantik skrip, setiap perkataan dalam Data (2) diperoleh dengan merujuk kamus. Jadual 1 memaparkan makna linguistik bagi ungkapan tersebut:

Jadual 1: Paparan makna linguistik Data 1 berdasarkan Kamus Dewan (2015).

Data	Perkataan	Makna Linguistik
2	aku	kata ganti diri pertama (biasa dipakai sewaktu berdoa kepada Tuhan atau antara orang yang rapat perhubungan mereka)
	hendak	akan, berhasrat, ingin akan (mempunyai, mendapat, mengambil, dan lain-lain)
	membeli	memperoleh barang dengan membayar (harganya).
	kereta	kenderaan yang memakai roda (ditarik oleh binatang atau digerakkan oleh enjin)
	rumah	binaan untuk tempat tinggal
	kedai	bangunan tempat menjual barang-barang, gerai, toko

Jika makna perkataan yang penting dalam Data (2) diteliti secara harfiahnya, penulis menyatakan dirinya akan membeli beberapa jenis harta, iaitu kereta, rumah dan kedai jika menjadi kaya atau jutawan. Maksud ini mudah difahami kerana pendengar berdasarkan pengalaman mereka pernah melihat kereta, rumah dan kedai. Walau bagaimanapun, masih timbul kekaburan makna di sini kerana pendengar sukar menjangkakan jenis kereta, rumah dan kedai yang ingin dibeli oleh penulis apabila menjadi jutawan nanti. Hal ini kerana pendengar juga percaya bahawa untuk memiliki kereta dan rumah, tidak semestinya seseorang itu perlu menjadi jutawan. Malah orang biasa juga orang mampu membeli kereta, rumah dan kedai kerana pembiayaan pinjaman disediakan oleh pihak bank. Makna harfiah ini masih perlu didalami. Oleh itu, konteks harus dirujuk bagi menjelaskan perkara ini.

Analisis Peringkat Resonans

Pada analisis peringkat resonans, teori relevans digunakan untuk mentafsir makna secara lebih mendalam kerana teori tersebut menekankan peranan konteks sebagai satu keperluan untuk mendapatkan makna secara lebih tepat. Dengan ini beberapa ungkapan yang dikenal pasti mempunyai hubungan dengan Data (2) dikemukakan seperti yang berikut bagi mendapatkan makna yang sebenar.

“...kalau sebut sangat **malu**...berusaha gigih sekian lama, tidak ada kereta, tidak ada rumah juga tidak ada kekasih. Melihat orang lain kahwin dan berniaga. Ada duit ada gaya. Andainya aku memiliki seratus juta, aku hendak **membeli kereta, membeli rumah** dan **membeli kedai** untuk disewa, senang-senang tidak perlu bekerja, bawa anjing bersiar-siar”.

Andaian maksud terhadap Data (2) ialah “ingin hidup bergaya dan bersenang-lenang” didapati selaras dengan konteks yang dibekalkan. Melalui rujuk silang terhadap konteks daripada ujaran terdahulu, iaitu “andainya aku memiliki seratus juta... aku hendak membeli kereta, membeli rumah dan membeli kedai”, ternyata penulis mengaitkan pemilikan harta, iaitu “kereta, rumah dan kedai” sebagai ciri-ciri bagi seseorang yang mempunyai duit yang banyak. Malah duit yang banyak ini pada anggapan penulis dapat memperlihatkan kehidupan orang tersebut sebagai bergaya. Hal ini jelas dalam ungkapan “ada duit ada gaya”. Melalui ungkapan tersebut, hasrat penulis untuk memiliki harta yang banyak agar kelihatan bergaya sebagai orang kaya selaras dengan keinginan dan tanggapannya selama ini bahawa dirinya ingin kelihatan bergaya sebagaimana persepsinya terhadap orang kaya seharusnya memiliki kereta, rumah, kedai sebagai orang yang berduit dan bergaya. Malah penulis turut menyatakan bahawa sesuatu yang amat memalukan jika tidak memiliki harta tersebut. Hal ini jelas dengan ungkapan “...kalau disebut sangat malu...tidak ada kereta, rumah dan kekasih”. Oleh sebab itu, penulis ingin membeli kereta, membeli rumah dan membeli kedai apabila kaya nanti kerana harta tersebut tidak mampu dimilikinya sebelum ini. Andaian terhadap maksud penulis ini sememangnya berada dalam pengetahuan dan pengalaman pembaca kerana tanggapan umum terhadap orang kaya ialah mereka memiliki barang-barangnya yang bernilai tinggi. Menurut Hamizatul Maizan Mohamad (2019), sikap menayangkan *handbag* jenama mewah seperti Chanel, memandu kereta *ferrari* sebagai gaya hidup golongan berharta”. Malah Syazwani Mehat (2017) turut mengaitkan pemilikan pakaian berjenama, beg tangan berjenama, jam tangan berjenama, barang kemas rumah besar, kereta import oleh sesetengah orang bagi menunjukkan kesenangan dan kemewahan agar kelihatan bergaya dan tampil kaya di depan orang lain. Ternyata, maklumat konteks yang dibekalkan oleh penulis lirik pada ujaran terdahulu, yakni ujaran sebelum Data (2) amat membantu pendengar mendapatkan makna yang sebenar bagi Data (2). Malah kesan kognitif tersebut diperkukuh dengan pengalaman sedia ada pendengar yang mampu mengaitkan perkaitan harta dengan kekayaan seseorang. Malah dengan

membeli kedai, penulis tidak perlu hidup bersusah-payah kerana perbelanjaannya dapat ditanggung melalui sewaan kedai. Hidupnya menjadi senang-lenang. Hal ini jelas apabila dirujuk kepada ungkapan yang wujud selepasnya "...kedai untuk disewa. Senang-lenang tidak perlu bekerja, membawa anjing bersiar-siar". Jadi, hasrat penulis apabila menjadi kaya adalah seperti yang digambarkan oleh orang ramai.

Analisis Semantik Inkuisitif

Pada peringkat semantik inkuisitif, kajian ini ingin melihat sebab penulis memilih objek-objek sebagai sesuatu yang hendak dibelinya jika menjadi jutawan. Kesemua objek, iaitu kereta, rumah dan kedai ialah objek konkrit yang dapat dilihat oleh orang ramai. Malah kereta dapat dibawa ke mana-mana. Dengan ini sikap bermegah-megah akan kekayaan ini dapat memenuhi selera dan nafsu jutawan tersebut. Malah rumah memang juga menjadi simbol kekayaan. Biasanya rumah besar memberikan gambaran status penghuninya.

Di sebalik penggunaan harta-harta yang disebut dalam lirik lagu, terdapat falsafah kehidupan, iaitu anggapan umum bahawa kepuasan hidup akan tercapai apabila manusia memiliki harta yang banyak kerana harta yang banyak apabila dilihat orang ramai akan menyebabkan orang kaya tersebut menjadi megah. Hal ini selaras dengan pendapat Pahrol Mohd. Juoi (t.t) bahawa ramai yang merasakan bahagia itu bersumberkan faktor luar. Mereka berpendapat bahawa jika mereka menjadi jutawan, hartawan, mereka secara automatik akan bahagia. Sebab itu mereka berhempas-pulas dan sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk memiliki harta, kuasa dan lain-lain.

Sebenarnya, banyak lagi harta yang dapat mencerminkan kekayaan seperti batu pertama, barang kemas dan barangan yang berharga yang lain. Hasrat untuk memilikinya bergantung pada cita rasa dan impian seseorang. Walau bagaimanapun, barangan yang dimilikinya ini mestilah mahal agar dapat mencerminkan kemewahan yang dimiliki dan menampakkan dirinya mempunyai status yang berbeza dengan golongan tahap sederhana atau lebih rendah daripadanya. Mengapakah penulis tidak memilih "batu permata" atau "rantai emas" yang dimiliki apabila menjadi jutawan? Inilah satu sindirin kepada sesiapa yang suka menunjuk-nunjuk. Pemilihan harta yang besar seperti kereta dan rumah lebih jelas lagi dilihat oleh orang sekeliling berbanding dengan objek yang kecil seperti intan dan permata. Malah orang miskin pun kelihatan "mampu" memakai batu permata atau intan berlian kerana barangan kemas sebegini terdapat juga dalam bentuk tiruan yang sukar dibezakan oleh orang ramai. Melalui "intan dan permata", kemewahan tidak terserlah kerana orang ramai juga boleh menganggap "intan permata yang dipakainya" meskipun tulen juga boleh dianggap tidak tulen kerana sukar dibezakan. Dengan ini, sesetengah orang tidak akan menganggap orang yang memakai barangan kemas sebagai orang kaya. Berbezanya dengan "kereta", "rumah" atau "kedai". Jarang sekali ada kaitan dengan "kereta palsu", "rumah palsu" atau "kedai palsu". Meskipun harta ini mampu dimiliki melalui pinjaman wang daripada bank tetapi mereka yang layak diluluskan pinjaman bank juga adalah daripada golongan yang benar-benar mampu membayarnya juga. Jadi, nilai kemewahan dan kesenangan masih relevan untuk dikaitkan dengan kereta mewah, rumah besar dan kedai.

KESIMPULAN

Dalam lirik lagu "Ji Pan Wan" ini, terselit unsur perlambangan yang banyak menggunakan unsur alam yang mudah dilihat oleh manusia. Kata-kata ini dimasukkan dalam lagu telah membentuk emant kiasan yang terdukung makna tersirat. Kata-kata ini sudah semestinya dipilih melalui pertimbangan yang mendalam. Apabila kata-kata dalam unsur perlambangan ini dikupas peringkat demi peringkat, bukan sahaja makna tersirat dapat diperolehi tetapi juga terserlah akal budi yang tinggi penulis kerana ada falsafah di sebalik penggunaan kata-kata tersebut dalam karyanya. Usaha ini tercapai apabila kata-kata yang diambil sebagai data kajian ini dianalisis dengan emantic inkuisitif.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2003). *Tesaurus Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Allan, K. (2010). *Concise encyclopedia of semantic*. Amsterdam: Elsevier Ltd.
- Aminuddin Saimon (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. Jilid 10, 2019 (57-74).
- Arba'ie Sujud (2000). Estetika dalam lirik lagu-lagu P. Ramlee. *Monograf Sastera dan Budaya*. Jabatan Bahasa Melayu, FBMK. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Omar (2011). *Teori dan Kaedah nahu: Sejarah pertumbuhan aliran pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bizzari, C. (2017, MEI 29). *Italy's illustrious coffee culture*. Diakses daripada <https://qz.com/992879/the-curious-tale-of-how-italy-became-the-world-capital-of-coffee/> [4 MAC 2020]
- Blacking, J. (1995). The problem of music description. In R. Byron (Ed.), *Music, culture and experience: Selected paper of John Blacking, Chicago Studies in Ethnomusicology*. Chicago: University of Chicago Press.
- Coy, W. (2016). *How to eat spaghetti like a true Italian*. Diakses daripada https://www.mashed.com/30509/eat-spaghetti-like-true-italian/?utm_campaign=clip (14 MAC 2020)
- De Bono, E. (1992). *Six thinking hats for schools*. Melbourne: Hawker Brownlow Pty Ltd.
- Diyana AR (2017, JULAI 10). *16 makanan Jepun yang popular di kalangan orang Malaysia*. Diakses daripada <https://www.thevocket.com/makanan-jepun-popular-orang-malaysia/> [4 MAC 2020]
- Distance from Japan to Malaysia* (t.t). Diakses daripada <https://www.distancefromto.net/distance-from-japan-to-malaysia>. (14 APRIL 2020).
- Elliott, G. (2020). 10 Hidangan Utama Tradisional Jepun. <https://ms.yourtripagent.com/10-best-traditional-japanese-dishes-1151> [4 MAC 2020]
- Hamizatul Maizan Mohamad (2019). *Tayang handbag & kereta mewah so ketinggalan, orang kaya kini 'tayang' pendidikan & kesihatan*. Diakses daripada <https://www.nona.my/tayang-handbag-kereta-mewah-so-ketinggalan-orang-kaya-kini-tayang-pendidikan-kesihatan-2/> [4 MAC 2020]
- Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd. Rahim (2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu “Bebaskan” berdasarkan teori relevans. *Journal of Business and Social Development*. 5(1), 102-111. Dimuat turun daripada <http://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2017/04/10-PERLAMBANGAN-w.pdf> [15NOVEMBER 2018].
- Hassan Ahmad (2006). *Memperkasa bangsa melalui kekuatan dalaman: Ke arah kelahiran Melayu Glokal*. Shah Alam: ALAF 21 Sendirian Berhad.
- Heckathorn, J. , Motteler, L. S. & Swenson J.P. M (t.t). *Hawaii: Stat, United States*. Diakses daripada <https://www.britannica.com/place/Hawaii-state> [4 MAC 2020]
- Hishamudin Isam & Mashetoh Abd. Mutalib (2017). Simbol “Minyak” dalam Peribahasa Melayu: Analisis Makna dari Perspektif Linguistik Kognitif. *Jurnal Melayu*. 10(2).
- How Many Countries are there in the world?* (t.t). Diakses daripada <http://www.world-country.com/> [5 MAC 2020]
- Huang, Y. (2014). *Pragmatic: Second Edition*. United Kingdom: Oxford University.
- Huang Yi Fei. (2006). 一百万. Kuala Lumpur: Rock Record (滚石唱片公司). <https://baike.baidu.com/item/%E4%B8%80%E7%99%BE%E4%B8%87/3954205#viewPageContent> [5 MAC 2020].
- Hu, Y. H. (胡义华) (2016). 钱不是万能的, 但没钱是万万不能的. Diakses daripada <https://www.jianshu.com/p/c3d28effd9f4>. [14 NOVEMBER 2019].
- Itawrah (t.t.). *21 Makanan Jepun sedap perlu anda cuba (Rugi tak try)*. Diakses daripada <https://saji.my/makanan-jepun/> [4 MAC 2020].
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan (2017a). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 10(1), 66-88. Diakses daripada <http://jurnalmelayu.dbp.my/wordpress/?p=881> [10 OKTOBER 2018]
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan (2017b). Refleksi dualisme “durian-timun’ dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*. 21(2) 1-14. Dimuat turun daripada <http://jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2018/01/1.Refleksi-Dualisme-Durian-Timun-Dalam-Peribahasa-Melayu-Pendekatan-Semantik-Inkuisitif.pdf> [10 OKTOBER 2018]

- Junaini Kasdan (2015). *Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/308691823_UNSUR_ASAM_DAN_AKAL_BUDI_MELAYU_ANALISIS_SEMANTIK_INKUISITIF [22 OKTOBER 2018].
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail (2016). ikan (pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* (Iman), 4 (1). 31-42. Diakses daripada <http://journalarticle.ukm.my/10898/> [22 NOVEMBER 2018]
- Kamus Dewan* (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kelebihan Sushi Yang Kita Tidak Tahu* (2014, DISEMBER 24). Diakses daripada <http://www.sentiasapanas.com/2016/10/kelebihan-makanan-sushi-yang-ramai.html#ixzz6FhWfkIwx> [4 MAC 2020].
- Kingkin Puput Kinanti & Anita Kurnia Rachman (2019). Padi bagi masyarakat Indonesia: Kajian semantik inkuisitif pada Peribahasa Indonesia. *Basastra: Jurnal Kajian Bahasa dan Sastra Indonesia*. Vol.8(1). DOI: <https://doi.org/10.24114/bss.v8i1.12937>
- Lima Pantai Tujuan Wisata Paling Cantik di Seluruh Dunia (t.t). <https://axa.co.id/inspirasi/lima-pantai-tujuan-wisata-paling-cantik-di-seluruh-dunia/> [5 MAC 2020].
- Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria (2017). Perunggu minda Melayu dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue 2, 175-187. Diakses daripada <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22499> [5 OKTOBER 2019]
- Mohammad Haris Abd Azis (2016). Keunggulan dan nilai lagu patriotik berdasarkan aspek pemilihan kata dalam lirik dan kesesuaian elemen muzik. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016 ICECRS, 769-780. Diakses daripada <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs> [15 NOVEMBER 2018]
- Muhamad Zaid Daud (2018). Gallus Gallus Domesticus dan Paradoxurus Hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Sains Humanika*. 10(2), 41-51. Diakses daripada <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1379> [22 NOVEMBER 2018]
- Muhamad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2018). Ayam (Gallus Gallus Domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*. 16(1), 18-22. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/326293233_Ayam_Gallus_Gallus_Domesticus_Dalam_Peribahasa_Melayu_Analisis_Semantik_Inkuisitif [10 NOVEMBER 2018].
- Nazri Atoh & Zubir Idris (2013). Simile sebagai Kesantunan Berbahasa dalam Syair Siti Zubaidah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 78 - 95. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1135>.
- Nooraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal budi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Pertanika Journals*. 2(1), 101-115. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Obringer, L.A. & Dove, L.L. (t.t.). *How to make a million dollars*. Diakses daripada https://money.howstuffworks.com/personal-finance/budgeting/how-to-million-dollars_1.htm [4 MAC 2020].
- Pahrol Mohd. Juoi (t.t). *Apa itu bahagia?* Diakses daripada <http://www.addeen.my/index.php/keluarga/motivasi/item/824-apa-itu-bahagia> [6 MAC 2020]
- Pedro Zurita (2015). *What are some false stereotypes of rich people?* Diakses daripada <https://www.quora.com/What-are-some-false-stereotypes-of-rich-people> [04 MAC 2020]
- Rai Illani (2018). *8 selebriti Hollywood yang berbelanja besar untuk makanan*. <https://iluminasi.com/bm/8-selebriti-hollywood-yang-berbelanja-besar-untuk-makanan.html> (4 MAC 2020)
- Saidatul Nornis Mahali & Mohd. Rasdi Saamah (2013). Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Perbahasa Orang Semai. *GEMA Online. Journal of Language Studies* Volume 13(1), 83-98. Diakses daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/2224/1632> [4 JAN 2020]
- Siti Suhana Mohd Amir (tt). *kopi dan budaya*. Diakses daripada <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=18026> [4 MAC 2020].
- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi & Kognisi*. Terj. Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin (2016). Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis Semantik Inkuisitif. *GEMA Online ® Journal of Language Studies*. 16(3) 187-2014 DOI: <http://doi.org/10.17576/gema-2016-1603-12>

- Syazwani Mehat (2017, OKTOBER 17). *Biar Nampak Tak Ikut Zaman, Dari hutang semata-mata Mahu bergaya macam orang*. <https://www.mingguanwanita.my/biar-nampak-tak-ikut-zaman-dari-berhutang-semata-mata-mahu-bergaya-macam-orang/> [4 MAC 2020]
- Spaghetti recipes* (t.t.). Diakses daripada <https://www.bbc.co.uk/food/spaghetti> (14 MAC 2020) .
- Tangaprabu Murthy & Mary Fatimah Subet (2018). Imej rumput dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*. 7(1), 37- 56. Diakses daripada <https://ir.unimas.my/21679/> [10 OKTOBER 2018]
- Winda Destiana Putri (2015). Melarikan diri menikmati keeksotisan pesona Hawaii. Diakses daripada <https://www.republika.co.id/berita/gaya-hidup/travelling/15/05/06/nnwkhg-melarikan-diri-menikmati-keeksotisan-pesona-hawaii> [5 Mac 2020]
- Zoltan Do_rnyei. 2007. *Research Methods in Applied Linguistics* . Oxford: Oxford University Press.
- Zurinah Hassan (2001). *Penggunaan unsur alam sebagai perlambangan dalam puisi Melayu moden*. Tesis Master Sastera. Universiti Putra Malaysia. Diakses daripada http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/9940/1/FBMK_2001_8_A.pdf
- 10 tempat wisata di Hawaii yang wajib dikunjungi* (t.t.). Diakses daripada <https://anekatempatwisata.com/10-tempat-wisata-di-hawaii-yang-wajib-dikunjungi/>. [16 APRIL 2020]
- Kopi “espresso”* (t.t.). Diakses daripada <https://pixabay.com/photos/coffee-espresso-coffee-foam-drink-3107235/> [16 APRIL 2020]